

SOALAN-SOALAN LAZIM


BAGI PEMASANGAN CERMIN GELAP : *TINTED GLASS AND SOLAR FILM*

1. Apa yang dimaksudkan dengan Visible Light Transmission (VLT) pada cermin kenderaan ?

Visible Light Transmission (VLT) bermaksud kadar peratus cahaya yang dapat menembusi cermin kenderaan.

2. Apakah perbezaan spesifikasi kadar VLT lama dan spesifikasi kadar VLT yang baru diperkenalkan?

Kedudukan Cermin	Kadar VLT Lama	Kadar VLT Baru
Cermin Depan (Windscreen)	70%	70%
Cermin Sisi Depan	70%	50%
Cermin Sisi Belakang	70%	25%
Cermin Belakang	70%	25%



3. Apakah tujuan kadar VLT baharu ini diperkenalkan?

Tujuan utama pengemaskinian tersebut adalah bagi memberikan kemudahan dan pilihan kepada pemilik-pemilik kenderaan mengenai dengan penggunaan cermin gelap pada kenderaan. Dengan adanya kadar VLT cermin gelap yang baharu ini, ianya dihasratkan akan dapat membantu mengurangkan haba (*heat*) dan sinaran UV (ultraviolet rays) yang datangnya daripada matahari menembusi melalui tingkap cermin kereta, dan juga mengurangkan tahap kesilauan semasa memandu.

4. Apakah perlu dibuat oleh pemohon mengenai pemasangan cermin gelap (*tinted glass dan solar film*) yang dibenarkan?

- Adalah menjadi tanggungjawab bagi pemilik kenderaan (*due diligence*) memastikan kadar VLT bagi cermin gelap tersebut setelah dipasangkan kepada cermin kenderaan adalah mengikut spesifikasi kadar VLT yang ditetapkan.
- Setelah pemasangan cermin gelap yang dibenarkan, pemohon atau pemilik kenderaan tidak perlu membuat pemeriksaan di JPD.

- 5. Bagaimana cara untuk mendapatkan kebenaran dan pendaftaran rasmi bagi pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) yang dibenarkan?**
Pemilik kenderaan hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut :
- Mengisikan dengan lengkap Borang Permohonan bagi Pemasangan Cermin Gelap.
 - Borang permohonan boleh diperolehi di laman sesawang www.jpd.gov.bn atau di kaunter cawangan-cawangan JPD.
 - Membuat pembayaran caj perkhidmatan sebanyak \$20.00 bagi setiap sebuah kenderaan.
 - Borang permohonan hendaklah dihadapkan untuk penilaian dan pertimbangan kebenaran di kaunter cawangan-cawangan JPD;
(Nota : Permohonan rasmi boleh dibuat sendiri atau diwakilkan sepertimana keperluan di dalam borang permohonan.)
 - Tempoh pemerosesan bagi kebenaran keatas permohonan adalah satu (1) hari atau “*on the spot*” iaitu semasa permohonan dihadapkan di kaunter.
- 6. Adakah boleh memohon kebenaran rasmi secara online?**
Pada masa ini permohonan hanya dapat dibuat melalui perkhidmatan kaunter cawangan-cawangan, manakala borang boleh diperolehi dalam laman sesawang jpd.gov.bn. atau di kaunter cawangan-cawangan JPD.
- 7. Bilakah orang ramai boleh memohon kebenaran bagi pemasangan kadar VLT bagi Cermin Gelap (*Tinted Glass* dan *Solar Film*)?**
Orang ramai bolehlah berurusan di kaunter cawangan-cawangan JPD untuk menghadapkan permohonan bermula Khamis, 1 Ogos 2024.
- 8. Bolehkah pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) ini dibuat selain kenderaan persendirian seperti kenderaan komersial termasuk bas, teksi, e-hailing?**
Boleh, pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) adalah mengikut kadar VLT yang dibenarkan iaitu cermin depan VLT 70%, cermin sisi depan VLT 50%, dan cermin sisi belakang dan seterusnya VLT 25%.
- 9. Adakah dibenarkan pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) berwarna warni?**
Tidak dibenarkan, pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) hanya dibenarkan bagi warna *transparent* dan *neutral* (bermaksud seperti warna yang kelihatan kurang warna tetapi mempunyai warna asas yang berubah dengan pencahayaan yang berbeza) dan tidak reflektif .
- 10. Bolehkah saya memasang cermin gelap *tinted glass* dan *solar film* sendiri?**
Ya, asalkan mengikut spesifikasi kadar VLT yang dibenarkan.
- 11. Dimanakah pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) boleh dibuat?**
Di mana-mana syarikat atau perniagaan yang menyediakan perkhidmatan pemasangan *tinted glass* dan *solar film*.
- 12. Adakah perlu untuk pemilik kenderaan untuk memohon kebenaran lagi jika kebenaran awal dengan kadar VLT lama diberikan?**
Tidak perlu, kecuali pemilik kenderaan berhasrat untuk menukar kadar VLT kepada kadar yang baharu.

13. Dimanakah pemohon boleh mengetahui kadar VLT kenderaan mereka?

Untuk mengetahui kadar VLT asal (original) bagi cermin kenderaan masing-masing bolehlah mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan daripada Stesen-Stesen Pemeriksaan Kenderaan "Vehicle Inspection Station" yang berdaftar.

Manakala pemeriksaan kadar VLT asal (original) bagi cermin kenderaan masing-masing daripada mana-mana syarikat atau perniagaan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan VLT kenderaan adalah tertakluk atas kehendak pemilik kenderaan sendiri.

14. Apakah perlu dibuat sekiranya borang kebenaran rasmi pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) hilang?

Borang kebenaran rasmi pemasangan cermin gelap boleh dibuatkan salinan (*duplicate*) rasminya di kaunter cawangan-cawangan JPD, dan caj perkhidmatan sebanyak \$5.00 akan dikenakan bagi setiap sebuah kenderaan.

15. Adakah perlu pemilik kenderaan luar negeri memohon pendaftaran kebenaran pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) yang dibenarkan?

Tidak perlu, memadai pemilik kenderaan tersebut mempunyai cermin gelap yang digunakan adalah mengikut kadar VLT yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

16. Mengapa perlu membuat permohonan bagi pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*)?

- Adalah sebagai bukti kebenaran rasmi bagi pemasangan cermin gelap (*tinted glass*) mengikut kadar VLT yang baharu untuk simpanan pemilik kenderaan dan rujukan pihak penguatkuasaan.
- Adalah menjadi satu kesalahan jika pemilik kenderaan tidak membuat permohonan kebenaran rasmi terlebih dahulu sebelum membuat pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*), dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda kompaun sehingga \$500.00.

17. Apakah yang perlu dibuat jika kebenaran pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*) telah diluluskan?

- Adalah menjadi satu tanggungjawab pemilik kenderaan untuk memastikan dan mengetahui kadar VLT yang dipasangkan di kenderaan masing-masing.
- Pemilik kenderaan hendaklah terlebih dahulu mengetahui kadar VLT cermin asal kenderaan sebelum pemasangan cermin gelap (*tinted glass* dan *solar film*).

Contoh:

Kedudukan Cermin	Kadar VLT yang ditetapkan	Kadar Kegelapan Tinted
Cermin Depan (Windscreen)	70%	30%
Cermin Sisi Depan	50%	50%
Cermin Sisi Belakang	25%	75%
Cermin Belakang	25%	75%

18. Bagaimanakah Agensi Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Darat dan Pasukan Polis Diraja Brunei mengetahui spesifikasi kadar VLT yang dipasang adalah tidak dibenarkan?

VLT meter akan digunakan sebagai alat untuk memeriksa kadar VLT cermin gelap yang dibenarkan.

19. Apakah yang perlu ditunjukkan kepada agensi Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Darat dan Pasukan Polis Diraja Brunei jika kenderaan yang dipandu dipasang dengan cermin gelap yang dibenarkan?

Pemandu hendaklah menunjukkan bukti kebenaran rasmi yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat bagi pendaftaran kadar VLT yang telah ditetapkan.

20. Adakah menjadi satu kesalahan jika kenderaan memasang cermin gelap (*tinted glass dan solar film*) mengikut kadar VLT yang dibenarkan tetapi tidak ada memohon pendaftaran kebenaran?

Ya, adalah menjadi satu kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda kompaun.

21. Apakah kadar kompaun kesalahan tidak mematuhi peraturan yang berkaitan dengan cermin gelap (*Tinted Glass dan Solar Film*)?

- Kesalahan Pertama dengan kadar kompaun sebanyak \$100.00
- Kesalahan Kedua dengan kadar kompaun sebanyak \$200.00
- Kesalahan Ketiga dengan kadar kompaun sebanyak \$300.00
- Kesalahan Keempat dengan kadar kompaun sebanyak \$500.00

22. Adakah menjadi satu kesalahan jika pemandu menggunakan tabir atau *shades* semasa kenderaan dipandu di jalan raya?

Penggunaan tabir atau *shades* semasa kenderaan dipandu di jalan raya adalah tidak dibenarkan dan ianya menjadi satu kesalahan, dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda kompaun.

Kadar kompaun bagi penggunaan tabir atau *shades* semasa kenderaan dipandu di jalan raya adalah seperti berikut:

- Kesalahan Pertama dengan kadar kompaun sebanyak \$100.00
- Kesalahan Kedua dengan kadar kompaun sebanyak \$200.00
- Kesalahan Ketiga dengan kadar kompaun sebanyak \$300.00
- Kesalahan Keempat dengan kadar kompaun sebanyak \$500.00